

X
UNIVERSITI SAINS MALAYSIAPeperiksaan Semester Kedua
Sidang 1986/87

Kursus Sains Matrikulasi I

TED 102 - Ekonomi/Pengurusan

(Bahagian A)

Tarikh: 30 Mac 1987

Masa: 2.00 - 3.30 petang

(1½ jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi
TIGABELAS muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan
peperiksaan ini.

Peringatan: Kertas-kertas soalan hendaklah diserahkan
kembali bersama-sama dengan lain-lain buku
jawapan anda.

Jawab semua soalan dalam kertas ini sahaja. Kertas ini
mengandungi empat bahagian iaitu bahagian 1, 2, 3 dan 4.

Angka Giliran:
(Dalam perkataan)

(No.)

No. Tempat Duduk:
.....
(No.)

Bahagian 1 (30 markah)

1½ markah bagi tiap-tiap satu soalan.

Pilih jawapan yang betul dengan melingkari huruf yang sesuai.

1. Tiada campur tangan oleh kerajaan di dalam ekonomi dikenali sebagai
 - A. Usahawan
 - B. Laissez faire
 - C. Caveat emptor
 - D. Ceterus paribus
 - E. Sosialis
2. Sebahagian besar usahawan memasuki bidang perniagaan untuk
 - A. Mendapatkan untung
 - B. Mengeluarkan barang untuk masyarakat
 - C. Mencipta permintaan
 - D. Memenuhi kehendak-kehendak awam
 - E. Mencipta peluang pekerjaan
3. Apabila struktur organisasi itu dianggap sebagai entiti yang terpisah dari pemilik serta sah disegi undang-undang, ia dikenali sebagai
 - A. Perkongsian
 - B. Syarikat berhad
 - C. Peniaga tunggal
 - D. Sindiket
 - E. Badan berkanun

4. Prospektus, Memorandum, Tataurusan dan Sijil Penubuhan adalah dokumen-dokumen yang terlibat apabila menubuhkan perniagaan jenis milikan
- Peniaga tunggal
 - Perkongsian
 - Peniaga tunggal dan perkongsian
 - Syarikat Berhad
 - Semua jenis milikan
5. Ciri yang membezakan pengurusan lini dengan pengurusan kakitangan ialah
- Kewibawaan
 - Pengalaman
 - Tingkat produktiviti
 - Kecekapan
 - Saiz
6. Harta (Aset) yang tidak wujud secara fizikal tetapi mempunyai nilai dikenali sebagai
- Aset tetap
 - Aset semasa
 - Aset tak nyata
 - Liabiliti semasa
 - Ekuiti
7. Modal kerja boleh ditulis seperti berikut
- Aset semasa - liabiliti semasa
 - Aset tetap - liabiliti tetap
 - Jumlah aset - jumlah liabiliti
 - Aset semasa + liabiliti semasa
 - Aset semasa
Liabiliti semasa

8. Berdasarkan maklumat-maklumat berikut pada 31hb. Disember 1986, cari jumlah modal kerja

Tanggungan : Modal \$ 2700 , Sipiutang \$ 300

Harta : Perabut \$ 500 , Stok \$ 2000, Tunai \$ 500

- A. \$ 2,200
- B. \$ 700
- C. \$ 0
- D. \$ 2,800
- E. \$ 8.33

9. Sebuah syarikat pengangkutan mengiklankan syarikatnya disebuah majalah kebangsaan yang juga dalam masa yang sama menggunakan pengangkutan syarikat ini untuk pengangkutan kakitangannya, adalah contoh pembelian

- A. Kontrak
- B. Hadapan
- C. Lisan
- D. Resiprakal
- E. Lelong

10. Susun atur loji bererti

- A. Pembelajaran cara menempatkan alatan, operasi, pekerja dan kerja juga ruang stor untuk membolehkan aliran aktiviti yang paling cekap di antara input bahan mentah dan output barang siap.
- B. Pembelajaran cara menentukan masa yang tepat untuk menambah loji bagi mempastikan mendapat kos yang minima dan untung yang maksima.
- C. Pembelajaran cara menentukan tempat yang sesuai untuk mendirikan loji bagi mempastikan kos sosial adalah minima.
- D. Pembelajaran cara menentukan tempat yang sesuai untuk mendirikan loji bagi mempastikan kemudahan-kemudahan asas diperolehi dengan mudah.
- E. Tiada jawapan di atas.

11. Seorang tuanpunya bangunan bernilai \$50,000 mengambil polisi insuran bernilai \$30,000. Andaikan kerugian sebahagian sebanyak \$10,000, berapa banyakakah pampasan yang akan diterima di atas polisi ko-insuran 80% ?
- A. \$ 7,500
 - B. \$ 40,000
 - C. \$ 24,000
 - D. \$ 10,000
 - E. \$ 8,000
12. Penyelidikan pasaran termasuklah
- A. Pengumpulan data-data secara sistematik
 - B. Merekodkan data-data
 - C. Menganalisa data-data
 - D. Jawapan (A) dan (B) adalah benar
 - E. Jawapan (A), (B) dan (C) adalah benar
13. Di antara yang berikut, kenyataan manakah yang paling sesuai untuk menyatakan idea asas disebalik konsep pemasaran.
- A. Mengeluarkan keluaran yang sebaik mungkin
 - B. Mengeluarkan keluaran yang semurah mungkin
 - C. Cuba mengurangkan kos pemasaran
 - D. Cuba mengurangkan kos pengeluaran
 - E. Meletakkan pengguna sebagai yang paling utama di dalam fikiran
14. Tujuan promosi ialah
- A. Menyampaikan barang kepada pengguna akhir
 - B. Merangsangkan permintaan
 - C. Mencipta penawaran
 - D. Menaikkan peluang pekerjaan
 - E. Menaikkan harga

15. Apabila sebuah negara bercadang mengeluarkan barang yang memberikannya faedah yang terbesar, dia menerima prinsip
- Faedah mutlak
 - Faedah persaingan
 - Faedah perbandingan
 - Faedah ekonomi
 - Faedah jualan
16. Sekumpulan negara-negara tertentu yang menandatangani perjanjian untuk mengekalkan tariff yang seragam ke atas impot dari luar negara mereka dikenali sebagai
- GATT
 - TEA
 - EEC
 - EXIM
 - OPEC
17. Kredit Perniagaan (Trade Credit) berbeza dari bentuk-bentuk kredit jangka pendek yang lain kerana
- Wang terpaksa dibayar di dalam jangkamasa satu tahun
 - Ia tidak melibatkan penjualan stok
 - Sumbernya bukan dari institusi kewangan
 - Bon-bon tidak terlibat
 - Semua jawapan di atas adalah benar
18. Belian bernilai \$2,000 pada 1hb. Mei, syarat 2/10, EOM. Jika pembayaran dibuat pada 26hb. Mei, siberhutang menerima diskau sebanyak
- \$ 20
 - \$ 40
 - \$ 30
 - \$ 60
 - tiada diskau

X

19. Sebuah hospital ada dalam simpanannya 100 tangki oksigen dan menggunakan kira-kira 10 tangki seminggu. Ia mengambil masa kira-kira 1 minggu dari tarikh pesanan pembelian untuk mendapat penyerahan oksigen yang baru. Berapakah titik pesanan semula yang tepat?
- A. 30 tangki
 - B. 10 tangki
 - C. 15 tangki
 - D. 5 tangki
 - E. 0 tangki
20. Tanpa mengira teori upah yang diikuti, Objektif Rancangan Pampasan mestilah
- A. Bertujuan untuk membayar pekerja-pekerja upah yang setanding dengan upah yang dibayar oleh firma-firma lain di kawasan itu.
 - B. Mengambil kira kesukaran kerja dan kelayakan tertentu yang diperlukan apabila menyediakan skel gaji.
 - C. Memberi insentif upah istimewa seperti melelong stok ataupun berkongsi keuntungan bagi menggalakkan kenaikan pengeluaran.
 - D. Jawapan (A) dan (C) sahaja benar.
 - E. Semua jawapan (A), (B) dan (C) adalah benar.

Bahagian 2 (10 markah)

1 markah tiap-tiap satu soalan. Tandakan (\checkmark) pada kenyataan yang betul.

- | | <u>Betul</u> | <u>Salah</u> |
|---|--------------|--------------|
| 1. Pengundian kumulatif ialah satu undi bagi setiap pemegang saham. | | |
| 2. Kedua-dua syarikat iaitu Syarikat Umum Berhad dan Syarikat Sendirian Berhad dibentuk secara pendaftaran dengan Pendaftar Syarikat di bawah Akta Syarikat 1965. | | |
| 3. Akaun dibayar overdraf dan gaji terakru termasuk di dalam liabiliti semasa. | | |
| 4. Kontrak ialah perjanjian di antara buruh dan pihak majikan mengenai cara-cara dan (peraturan) undang-undang kerja, selalunya meliputi keselamatan kesatuan, upah dan keadaan kerja juga jaminan kerja. | | |
| 5. Pembelian hadapan merupakan cara di mana pembeli akan mengiklankan kepada pembekal-pembekal maklumat-maklumat tertentu dan pembekal-pembekal kemudiannya menetapkan harganya ketepat yang paling minima untuk menarik pembeli. | | |
| 6. Peringkat kematangan merupakan peringkat di mana keuntungan adalah maksima dan pesaing-pesaing mulai masuk. | | |
| 7. Pembiayaan Ekuiti terpaksa meneruskan pembayaran faedah kepada pemegang-pemegang sahamnya selagi mereka belum menukarmilik saham mereka. | | |
| 8. Invois bermilai \$300, bertarikh Mac 6, mempunyai syarat 2/10, net 30. Jika pembayaran dibuat pada Mac 16, jumlah yang perlu dibayar ialah \$294/- . | | |

X

Betul

Salah

9. Pengiklanan membolehkan media massa bebas dari mengharapkan bantuan kewangan kerajaan.
10. Subrogation di dalam prinsip indenniti bererti maklumat-maklumat yang lengkap dan benar mesti diberikan oleh pemohon kepada Syarikat Insuran.

...9/-

Bahagian 3 (36 markah) 12 markah bagi tiap-tiap soalan.

Jawab semua soalan.

1. (a) Apakah yang dikatakan barang pengguna?

- (b) Bandingkan di antara ciri-ciri barang keselesaan dan barang istimewa di bawah ciri-ciri harga, jenama, kualiti, tempat jualan, kekerapan membeli dan kepentingan keputusan membeli.
- (c) Berikan 3 ciri-ciri barang industri.

2. (a) Seorang suri rumah tangga yang bekerja dikatakan terdedah kepada lebih 300 iklan setiap hari. Huraikan secara ringkas bagaimana ini mungkin terjadi.
- (b) Anda merupakan eksekutif bagi sebuah agensi pengiklanan. Seorang pengeluar baru memerlukan perkhidmatan anda untuk mengiklankan keluarannya yang ditegah oleh undang-undang negara dari diiklankan di radio dan T.V.. Apakah tindakan anda.
- (c) "Rancangan Istimewa ini dibawa kepada anda oleh Marie Industri". Huraikan tujuan iklan ini.

3. (a) Syarikat Big Burger, sebuah perniagaan makanan segera yang mempunyai banyak cawangan bercadang untuk membuka cawangan barunya dikawasan berhampiran dengan rumah anda. Sebagai penasihat pemasaran syarikat ini apakah bentuk penyelidikan pasaran yang anda cadangkan.
- (b) Harga mesin hitung elektronik telah mulai menurun sejak kebelakangan ini. Pada pendapat anda mengapakah keadaan ini terjadi.
- (c) Di dalam mesyuarat bulanan Syarikat, Pengarah bercadang untuk mengurangkan kos disemua bahagian operasi firma. Beliau kemudiannya mengarahkan semua Timbalan Pengarah disetiap jabatan mempertahankan kepentingan jabatannya di dalam laporan. Sebagai seorang yang bertanggungjawab ke atas jabatan pemasaran, apakah faktor-faktor yang akan anda kemukakan untuk mempertahankan jabatan anda.

...12/-

Bahagian 4 (24 markah) 8 markah tiap-tiap satu soalan.

Jawab semua soalan.

Tandakan semua lukisan anda dengan lengkap.

1. Drafkan dokumen bil perintah bayar dan nyatakan kegunaannya di dalam perniagaan.

2. Drafkan carta untuk menunjukkan Organisasi lini dan berikan 2 kebaikan memilih organisasi bentuk ini.

...13/-

3. Drafkan carta untuk menunjukkan Penyatuan Melintang serta huraikan beserta contoh.

000000000

X

)